

Motivasi Utama Program Homestay di Selangor Menerusi Pendekatan Kualitatif

Norhaya Hanum Mohamad
Universiti Teknologi Mara Cawangan Terengganu
norhayahanum@uitm.edu.my

Mohamad Kazar Razali
Politeknik Sultan Idris Shah
kazar_razali@psis.edu.my

Mohd Yusof Yaakob
Kolej Komuniti Beaufort
yusof.yaakob@kkbeaufort.edu.my

Nafissah Johari
Politeknik METrO Johor Bahru,
nafissah.johari@pmjb.edu.my

Abstract

Homestay program is a form of community-based tourism that is becoming increasingly popular in most developing countries, including Malaysia. This program has the potential to be a catalyst for the socio-economic development of communities in rural areas. However, in enjoying the benefits of this program, participants often face challenges in running a homestay program. The objective of this study is to analyze the motivation of homestay participants as well as their involvement to make the homestay program a success in Selangor. A qualitative approach through the need for a case study has been applied in this study, where the method of partial interview with fifteen (15) representatives of homestay program participants throughout the state of Selangor has been implemented. Thematic analysis was used to process the data using Atlas ti software 8. The results showed that there are seven (7) main motivations of study participants in undergoing homestay program namely (1) willingness to change (2) active involvement of local community (3) attractions tourism around (4) homestay leadership committee support (5) government assistance (6) family heritage legacy and (7) social media. In conclusion, such a study is important to ensure the sustainability of the homestay program as well as to strengthen the rural community. Therefore, a homestay development plan needs to be created to increase community-based tourism in Selangor which focuses on the Community Based Tourism.

Keywords: homestay, community based tourism, motivation, Selangor

Abstrak

Program homestay merupakan satu bentuk pelancongan berasaskan komuniti yang semakin popular di kebanyakan negara membangun termasuklah Malaysia. Program ini berpotensi menjadi pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi komuniti di kawasan luar bandar. Namun begitu, dalam menikmati faedah dari program ini para peserta sering berhadapan dengan cabaran dalam menjalankan program homestay. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis motivasi peserta homestay serta penglibatan mereka untuk menjayakan program homestay di

71

Selangor. Pendekatan kualitatif menerusi kedah kajian kes telah diaplikasikan dalam kajian ini, di mana kaedah separa temu bual bersama dengan lima belas (15) wakil peserta program homestay di seluruh negeri Selangor telah dilaksanakan. Analisis tematik telah digunakan bagi memproses data dengan menggunakan perisian Atlas ti 8. Hasil kajian menunjukkan terdapat tujuh (7) motivasi utama peserta kajian dalam menjalani program homestay iaitu (1) kehendak diri untuk berubah (2) penglibatan aktif komuniti setempat (3) sumber tarikan pelancongan yang ada di sekeliling (4) sokongan jawatankuasa kepimpinan homestay (5) bantuan kerajaan (6) legasi warisan keluarga dan (7) media sosial. Kesimpulannya, kajian seperti ini penting untuk memastikan kelestarian program homestay disamping dapat memperkasakan komuniti di luar bandar. Oleh yang demikian, satu pelan pembangunan homestay perlu diwujudkan bagi meningkatkan pelancongan berasaskan komuniti di Selangor yang memfokuskan kepada program pelancongan berasaskan komuniti.

Kata kunci: homestay, pelancongan berasaskan komuniti, motivasi, Selangor

1.0 Pengenalan

Salah satu program pelancongan yang dapat membangunkan komuniti tempatan ialah Program Inap Desa atau Homestay. Program ini telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia sejak tahun 1995. Homestay merupakan aktiviti pelancongan yang melibatkan komuniti setempat serta berpotensi untuk berkembang dan mampu membangunkan masyarakat luar bandar dari segi sosial dan ekonomi. Perkara ini turut ditegaskan di dalam kajian yang dijalankan oleh Ramli, Nasir, Zaid, & Adenan, (2016) di mana program homestay ini dikatakan berpotensi menjadi pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi komuniti di kawasan luar bandar. Pada umumnya, istilah homestay ini menggambarkan konsep percutian yang melibatkan pelancong untuk tinggal di rumah peserta homestay, berinteraksi dengan mereka dan menimba pengalaman terutamanya dari aspek budaya dan cara hidup yang diamalkan (Kunjuraman, & Hussin, 2017 ; 2011, Hamzah, 2008). Terdapat pelbagai panggilan homestay digunakan di peringkat global seperti di Indonesia ialah *Budget Accommodation*, di Jerman dan New Zealand ialah *Farmstay* manakala di Kanada pula dipanggil sebagai *Vocation Farm* (Oppermann, 1997).

Walaupun begitu, konsep homestay di Malaysia sedikit berbeza kerana pelancong harus tinggal bersama keluarga yang dipilih, berkomunikasi, merasai pengalaman kehidupan bersama keluarga *host family* serta mempelajari budaya masyarakat setempat (MOTAC, 1995). Justeru itu, komuniti setempat berpeluang mendapat faedah sosioekonomi termasuklah pendapatan sampingan isi rumah, menjana peluang pekerjaan dan perniagaan, pengekalan budaya, peluang pembelajaran dan sebagainya. Namun begitu, komuniti tempatan sering berhadapan dengan beberapa isu dan cabaran menguruskan operasi harian mereka (Kunjuraman & Hussin, 2017; Kamisan Pusiran & Xiao, 2013; Nor & Kayat, 2010). Sehubungan itu, perlunya penyelidikan dijalankan bagi menangani isu yang timbul serta mencari faktor yang dapat memotivasikan peserta homestay bagi menjayakan operasi homestay. Oleh itu, untuk mengisi jurang kajian, satu kajian dijalankan untuk mengenal pasti faktor utama yang memotivasikan peserta dalam melibatkan diri bagi program homestay di negeri Selangor.

2.0 Sorotan kajian

2.1 Pelancongan berasaskan komuniti (PBK)

Pelancongan Berasaskan Komuniti (PBK) merupakan pelancongan alternatif dijadikan sebagai salah satu strategi untuk membangunkan komuniti di luar bandar. Sumbangan dari program PPK ini membawa kebaikan dari sudut ekonomi (Mnguni & Giampiccoli, 2017; Bhuiyan, Siwar & Ismail, 2013; Hitchner, Apu, Tarawe, Aran, & Yesaya, 2009). Pendidikan (Palal & Hamzah, 2017), (Hamzah & Khalifah, 2009), sosial (Ratnayake & Kasim, 2011), (Asker, Boronyak, Carrard & Paddon, 2010), kesihatan (Chantraprayoon & Sasiphalin, 2013) dan persekitaran (Luangsa, 2017; Chandrucka, Tantranont & Suwan, 2015), Nilai komersial produk pelancongan berasaskan komuniti ini perlu dipelihara dan dikembangkan agar ia memberi impak positif serta meminimumkan halangan kepada pembangunan komuniti tempatan bagi tempoh jangka masa panjang (The ASEAN Secretariat, 2016).


2.2 Program homestay

Pembangunan pelancongan desa memberikan faedah berganda kepada komuniti sama ada dari aspek sosial mahupun ekonomi, malah ia bertindak sebagai sebahagian daripada pelan perancangan pembangunan desa yang menekankan pembangunan mampan Roddin et al, (2019). Sehubungan itu, pembangunan pelancongan luar bandar menerusi program homestay membolehkan komuniti setempat berpeluang mendapat faedah sosioekonomi termasuklah pendapatan sampingan kepada suri rumah, mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan, pegekalan budaya, membuka peluang pembelajaran dan sebagainya. Seterusnya Ridzuan, Ibrahim, Razali, Samengon & Rusli, (2018) menyatakan bahawa kemasukan pelancong juga memerlukan penglibatan agensi awam dalam membantu penduduk membangunkan industri pelancongan di samping memperbaiki taraf sosioekonomi. Maka setelah program ini memperlihatkan kejayaannya daripada aspek pulangan yang diperolehi oleh komuniti melalui peningkatan taraf sosioekonomi, perubahan pemikiran dan penyediaan kemudahan asas yang berkualiti, mendorong beberapa penempatan lain untuk terlibat secara serius dalam homestay. Oleh itu, pentingnya dasar kerajaan dan perlaksanaan oleh komuniti berjalan seiringan. Apa yang paling penting adalah perubahan pemikiran oleh komuniti setempat bagi membangunkan kredibiliti serta kehendak diri untuk berubah. Perkara ini juga dinyatakan oleh Jipun (2019) & Tuffin (2005), di mana kajian beliau mendapati terdapat perubahan mentaliti serta sosioekonomi penduduk yang kebanyakannya bekerja di sektor pertanian. Ini kerana mereka sering dibelenggu kemiskinan dan mempunyai taraf pendidikan yang rendah. Sehubungan itu, kesedaran mereka ini telah menggerakkan komuniti untuk berubah dan membentuk organisasi bagi memastikan komuniti bersama-sama membangunkan program homestay. Organisasi komuniti ini ditubuhkan untuk menjalankan hal-hal pentadbiran, pelaburan dan latihan kepada penduduk.

3.0 Kaedah Kajian

Pendekatan kualitatif menerusi kaedah case study telah digunapakai bagi memahami secara mendalam tentang motivasi utama peserta program dalam menyertai homestay di negeri Selangor. Dalam kajian berbentuk kualitatif terutamanya kajian kes, pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan sejauh mana mereka mampu menjawab persoalan kajian yang dijalankan (Creswell, 2007), dan (Peshkin, 1993). Pemilihan sampel adalah berdasarkan teknik persampelan bertujuan. Menerusi teknik ini, peserta kajian yang dipilih adalah berdasarkan faktor penglibatan dan pengalaman mereka mengusahakan homestay di Selangor. Oleh itu peserta kajian yang dipilih adalah di kalangan pengusaha homestay yang aktif dan berpengalaman dalam mengusahakan homestay selama 5 tahun dan ke atas. Ini adalah kerana peserta kajian seperti ini mampu memberikan sedalam mungkin maklumat kajian yang diperlukan (Marshall & Rossman, 2014). Dalam konteks kajian ini, seramai 15 orang peserta kajian telah dipilih sebagai informan utama dan mereka ini terdiri dari peserta homestay di Selangor. Bagi pembentukan instrumen pula, kajian ini menggunakan kaedah temubual separuh struktur sebagai sumber utama pengumpulan data, di samping rujukan dokumen berkaitan serta pemerhatian pengkaji semasa menjalankan kerja lapangan sebagai sumber sokongan kepada proses pengumpulan data. Sebelum proses pengumpulan data dijalankan menggunakan kaedah di atas, pengkaji terlebih dahulu menyediakan protokol sebagai panduan dalam melaksanakan kajian. Pengumpulan data kajian ini telah dijalankan selama enam bulan menerusi tugas homestay *community-based tourism* dan dalam tempoh tersebut, pengkaji telah mengatur temu janji dengan peserta kajian yang telah dikenal pasti untuk ditemu bual. Sebagai prosedur dalam proses temu bual, pengkaji terlebih dahulu berbincang dan mendapatkan persetujuan peserta kajian berkaitan lokasi yang sesuai untuk menjalankan temu bual. Sebelum sesi temu bual dijalankan, pengkaji menyatakan tujuan kajian dan segala maklumat tepat yang diberikan sangat penting dalam memastikan kesahihan dan kualiti kajian yang dijalankan. Peserta juga dimaklumkan bahawa temu bual tersebut di rekod menggunakan pita perakam atau borang catatan pengkaji bagi membolehkan maklumat tersebut didengar semula dan digunakan untuk tujuan analisis. Data ini kemudiannya dianalisis menggunakan teknik tematik yang dapat menggambarkan corak keseluruhan data kualitatif yang telah dikumpulkan. Teknik tematik dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti 8 yang merupakan sebuah perisian yang boleh digunakan untuk menganalisis data kualitatif

4.0 Kawasan Kajian



Rajah 1: Taburan homestay di Negeri Selangor

Sumber: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, 2018

Selangor merupakan sebuah negeri terletak di pantai barat Semenanjung Malaysia. Geografinya yang strategik menjadikan Selangor negeri maju yang paling pesat di rantau ini dengan kepadatan penduduk seramai 5.8 juta orang yang terdiri dari pelbagai etnik. Di samping itu juga, Selangor dikenali sebagai pintu gerbang ke Malaysia, kerana lokasinya yang strategik di semua laluan perjalanan utama dari udara, lautan dan daratan. Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) merupakan pintu masuk utama ke Selangor dan Malaysia menerusi pengangkutan laluan udara. Di samping kepesatan kemajuan Selangor, masih lagi ada tempat yang mengekalkan suasana desa serta adat dan warisan zaman berzaman. Di Selangor terdapat 15 buah homestay yang masih mengekalkan suasana desa yang tertumpu di Daerah Sabak Bernam dan Kuala Langat. Ianya ditunjukkan seperti dalam jadual 1.

Jadual 1: Taburan homestay negeri Selangor

Bil.	Homestay	Bil. Kampung	Bil. Bilik
1	Homestay Air Manis, Sabak Bernam	1 Kg. Batu 37 Darat	28
		2 Kg. Batu 38	
		3 Kg. Tebuk Mufrad	
		4 Kg. Batu 37 Sekendi	
		5 Kg. Batu 2	
		6 Kg. Tebuk Pulai	
		7 Kg. Parit 6 Tengah	
2	Homestay Banghuris ,	1 Kg. Bukit Bangkung	50

Motivasi Utama Program Homestay di Selangor Menerusi Pendekatan Kualitatif

	Sepang	2	Kg. Ulu Chucoh	
		3	Kg. Ulu Teris	
3	Homestay Bouganvilles, Sg. Kertas, Gombak	1	Kg. Sungai Kertas	180
4	Homestay Sg. Haji Dorani, Sabak Bernam	1	Kg. Sg. Hj. Dorani	50
		2	Kg. Picket 20	
		3	Kg. Sungai Leman	
		4	Kg. Parot 2	
		5	Kg. Sungai Nipah	
5	Homestay Kanchong Darat, Kuala Langat	1	Kg. Kanchong Darat	30
6	Homestay Kg. Kundang, Kuala Langat	1	Kg. Kundang	28
7	Homestay Kg. Batu Laut, Kuala Langat	1	Kg. Batu Laut	80
8	Homestay Seri Kayangan, Sabak Bernam	1	Kg. Tebuk Baru	51
		2	Kg. Bagan Terap	
9	Homestay Sg. Lang Tengah, Kuala Langat	1	Kg. Sungai Lang	25
10	Homestay Papitusulem, Sabak Bernam	1	Kg. Parit 7	64
		2	Kg. Parit 6	
		3	Kg. Sg. Labu	
11	Homestay Sepintas, Sabak Bernam	1	Batu 4, Sepintas	20
12	Homestay Batu 23, Sg. Nibong, Sabak Bernam	1	Kg. Batu 23, Sg. Nibong	50
13	Homestay Sg. Sireh, Kuala Selangor	1	Kg. Sg. Sireh	64
		2	Kg. Ampangan	
		3	Kg. Parit 2	
		4	Kg. Parit 3	
		5	Kg. Sawah Sepadan	
14	Homestay Kg. Endah, Kuala Langat	1	Kg. Endah	36
15	Homestay Sg. Tinggi, Hulu Selangor	1	Kg. Sg. Tinggi	30
	JUMLAH		34	759

5.0 Hasil Kajian

5.1 Profil informan.

Kajian ini dilakukan secara temubual dengan mengenalpasti informan yang dapat memberi maklumat berkaitan keseluruhan program homestay yang telah dijalankan di Homestay di Negeri Selangor.

Jadual 2: Profil Informan Kajian

Butiran Informan Kajian		
Jantina	Lelaki	15
Umur	41-50 tahun	3
	51-59 tahun	8
	60 tahun dan ke atas	4
Pekerjaan	Usahawan	7
	Petani	3
	Pesara	1
	Pekerja sektor awam	4
Tempoh Penglibatan dalam program homestay	6 tahun ke 10 tahun	4
	Melebihi 11 tahun	11

Jadual 2 menunjukkan butiran informan yang terlibat dalam kajian ini. Informan yang terlibat adalah sebanyak 15 orang lelaki yang merupakan pimpinan tertinggi dalam struktur organisasi homestay masing-masing. Dari segi umur, purata tertinggi adalah berumur kategori 51 tahun – 59 tahun iaitu sebanyak 8 informan. Selain menjalankan program homestay, latar belakang pekerjaan informan terdiri dari usahawan, pekerja sektor awam dan petani serta pesara. Penglibatan informan dalam program homestay boleh dikategorikan kepada dua kumpulan iaitu sekitar 6 tahun hingga 10 tahun dan melebihi 11 tahun ke atas.

5.2 Motivasi penglibatan program homestay

Berikut merupakan faktor utama komuniti setempat untuk melibatkan diri dalam program homestay di negeri Selangor. Berdasarkan maklumat yang telah diberikan oleh informan, kajian ini mendapati terdapat 7 tema utama telah muncul hasil dari analisa tematik naratif yang dijalankan. Temu bual bersama peserta homestay ini mendapati (1) Kehendak diri untuk berubah (2) penglibatan aktif komuniti setempat (3) sumber tarikan pelancongan yang ada di sekeliling (4) sokongan jawatankuasa kepimpinan homestay (5) bantuan kerajaan (6) lega si warisan keluarga dan (7) promosi media massa merupakan tema utama dan apabila ia digabungkan akan membentuk kategori makna yang dirujuk sebagai motivasi dalam penglibatan program homestay.

5.2.1 Kehendak diri untuk berubah

Faktor utama komuniti terlibat dalam program homestay di negeri Selangor adalah kehendak diri sendiri untuk berubah. Kebanyakan penduduk yang menyertai program homestay sedar bahawa penyertaan mereka adalah untuk membangunkan diri sendiri dengan menggunakan sumber sedia ada. Kesemua peserta kajian yang telah ditemu bual menyatakan mereka melibatkan diri kerana

ingin berubah, membangunkan diri serta dihormati. Kesedaran seperti ini wujud dalam diri mereka sendiri tanpa ada pengaruh dari pihak luar. Peserta kajian dari Homestay Papituselum, merupakan seorang ketua kampung menyatakan bahawa sambutan awal komuniti terhadap program homestay adalah baik di kalangan belia kerana mereka mengharapkan perubahan menerusi pembangunan pelancongan tersebut.

Kesungguhan mereka untuk berubah dapat dilihat apabila mengikuti kursus seperti latihan ke usahawan, kursus bahasa asing, kursus asas pelancongan desa dan sebagainya. Manakala, seorang peserta kajian dari Homestay Haji Dorani menerangkan bahawa beliau memang mahukan perubahan dalam diri "... saya ini orang kampung, belajar pun tidak tinggi, tapi bila program homestay ini ada, saya rasa bagus sebab banyak perkara saya dapat tau dan ada la perubahan sikit...". Katanya lagi "... kalau ikutkan untung homestay ini sikit sahaja sebenarnya, tapi saya boleh belajar tentang homestay, dapat jumpa pelancong, kenal dengan mereka...rasa seronok la... dapat juga la tambah pendapatan saya sikit-sikit". Selain itu, kajian juga mendapati sesetengah komuniti mempunyai kekangan untuk menyertai program homestay kerana saiz rumah yang kecil dan kurang selesa kepada pelancong. Namun, mereka sentiasa menyokong dan bekerjasama membantu menguruskan aktiviti secara bergotong-royong agar program homestay dapat berjalan lancar. Dengan itu, mereka mampu memperoleh sedikit imbuhan melalui program yang dijalankan serta mendapat pengalaman baru. Ini dapat dilihat dari perubahan sikap positif di kalangan mereka yang membantu menjayakan program. Pelbagai aktiviti dijalankan, menjadikan mereka lebih berkeyakinan setelah mempelajari sesuatu yang baru. Secara tidak langsung mereka juga menanamkan azam memiliki kediaman yang kondusif bagi membolehkan mereka menjadi peserta program homestay.

5.2.2 Penglibatan aktif komuniti setempat

Penglibatan aktif komuniti setempat turut memberi motivasi kepada program homestay. Disebabkan keinginan mereka untuk berubah, mereka sanggup menawarkan diri dalam membantu menguruskan aktiviti homestay walaupun ada di kalangan mereka bukan merupakan peserta homestay. Komitmen, sikap toleransi dan keakraban di kalangan komuniti menjadikan setiap aktiviti yang dijalankan sentiasa meriah dan berjalan lancar. Penglibatan aktif komuniti setempat ini secara tidak langsung telah menyuntik motivasi kepada peserta homestay untuk terus bergiat maju.

Kajian mendapati 13 orang peserta kajian (87%), bersetuju penglibatan aktif komuniti setempat merupakan faktor penting dalam memotivasikan peserta homestay. Peserta homestay dari Baghuris, iaitu Haji Basir Bin Wagiman memaklumkan bahawa "... di sini, kalau ada sahaja majlis atau apa-apa aktiviti semua sekampung pakat datang membantu, memeriahkan majlis, kalau tengok memang meriah la... Kebanyakan mereka di sini semuanya bersaudara, sebab tu mereka rapat, kalau tak dijemput pun mereka akan datang tolong-tolong". Beliau turut melahirkan perasaan gembira dengan penglibatan aktif komuniti melalui kenyataan tersebut; "...Bila macam ni semua peserta homestay jadi semangat nak maju kan lagi homestay, ada yang nak tambah bilik la...ada yang nak jadi peserta homestay la...Seronok kita ni bila buat sama-sama". Manakala, peserta kajian

dari Homestay Air Manis menyatakan bahawa penglibatan komuniti yang sangat memberangsangkan tidak kira sama ada secara langsung atau tidak telah menjadikan Homestay Air Manis sebagai pembakar semangat kepada 7 buah kampong yang lain iaitu Kg. Batu 37 Darat, Kg. Batu 38, Kg. Tebuk Mufrad, Kg. Batu 37 Sekendi, Kg. Batu 2, Kg. Tebuk Pulai dan Kg. Parit 6 Tengah untuk turut bergiat aktif. Di sini, jelaslah bahawa penglibatan komuniti yang aktif dalam semua aktiviti yang dijalankan di homestay menjadi pemangkin kepada warganya untuk melibatkan diri secara total serta memberi semangat kepada peserta homestay yang sedia ada untuk terus memajukan homestay masing-masing.

5.2.3 Sumber tarikan pelancong

Umumnya, program homestay hanya terdapat di kawasan luar bandar yang menawarkan pengalaman menikmati alam semula jadi, mempelajari budaya dan warisan serta Gaya hidup desa kepada pelancong. Oleh yang demikian, setiap program homestay yang dibangunkan di sesebuah tempat mempunyai keunikan dan daya tarikan tersendiri. Sumber yang terdapat di sekeliling homestay menjadi faktor utama di dalam pembangunan sesebuah homestay. Oleh itu, sumber tarikan menjadi faktor ketiga terpenting bagi memotivasikan peserta homestay di Selangor.

Di samping alam semula jadi yang ada, kajian mendapati peserta homestay turut mempelbagaikan aktiviti bagi meningkatkan Kadar kehadiran pelancong ke homestay serta meningkatkan jumlah pendapatan mereka. Mereka semakin kreatif untuk mencipta pengalaman berbeza dengan mengikut peredaran masa. Walau bagaimanapun, aktiviti tersebut masih mengekalkan budaya warisan serta Gaya hidup desa. Sebagai contoh seperti men canting batik, menanam padi, menangkap ikan dan juga melibatkan diri dengan perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sebagai daya tarikan pelancong. Bagi pelancong aktiviti yang dijalankan merupakan pengalaman yang baru kepada mereka dan pastinya sangat menerujakan.

Dengan adanya aktiviti yang pelbagai, pengusaha homestay lebih bersemangat menyediakan pakej menarik kepada pelancong terutama dari luar negara. Hasil temu bual yang dijalankan bersama peserta Homestay Sepintas dan Sg Sireh, mereka menegaskan bahawa program homestay juga dapat membantu mengekalkan adat, budaya dan warisan nenek moyang dari di telan zaman. Malah golongan belia juga berbangga dapat melibatkan diri dalam usaha tersebut.

5.2.4 Sokongan ahli jawatankuasa kepimpinan homestay

Sokongan yang padu daripada Ahli Jawatankuasa kepimpinan (AJK) homestay turut menjadi pendorong bagi menyuntik semangat motivasi peserta homestay. Semasa temu bual dijalankan kebanyakan peserta menyatakan bahawa tanpa sokongan dari AJK dan kepimpinan, tidak mungkin homestay mereka dapat berkembang dengan baik. Maklum balas yang diberikan oleh beberapa peserta kajian berkaitan keupayaan ketua dan AJK homestay masing-masing, menyatakan bahawa mereka sangat komited dan banyak memberi kerjasama.

Selain itu, AJK homestay juga bersikap adil bagi mengelakkan berlakunya rasa tidak puas hati di kalangan peserta homestay terutamanya berkaitan dengan agihan pelancong. Justeru itu, pihak AJK homestay mewujudkan sistem

penggiliran dalam pengagihan pelancong. Salah seorang peserta Homestay Batu 23 contohnya, menyatakan tidak timbul masalah penggiliran tersebut di dominasi oleh hanya sesetengah individu sahaja kerana semua peserta Homestay bertoleransi dan bertolak ansur antara satu Sama lain. Cuma mereka berharap wujudnya seorang local champion di kalangan belia di peringkat komuniti yang mampu menyumbangkan idea bernas serta merancakkan lagi aktiviti pelancongan, sesuai dengan keperluan komuniti setempat.

5.2.5 Bantuan kerajaan

Terdapat dua buah kementerian yang terlibat secara langsung dalam menjayakan program homestay di Malaysia iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) serta Kementerian Pelancongan (MOTOUR). Tanpa bantuan kerajaan, homestay tidak dapat dijalankan dengan lancar dan objektif asalnya sukar untuk dicapai. Salah satu syarat utama untuk menjadi peserta homestay, mereka mestilah mempunyai rumah yang kondusif untuk di inap oleh pelancong. Maka kebanyakan mereka memerlukan bantuan kewangan bagi menaik taraf rumah seperti tandas serta Bilik penginapan serta penyelenggaraan television, penghawa dingin dan sebagainya. Menurut beberapa peserta kajian, sekiranya tiada bantuan kewangan dihulurkan, kemungkinan mereka tidak mampu terlibat untuk menjadi peserta homestay. Mohd Said dari Homestay Kampung Endah, Hulu Langat mengatakan "... Kalau kerajaan tak bagi duit, tidak mampu saya nak buat tandas di dalam rumah. Kos sekarang bukan nya sikit. Buat tandas pun boleh dekat 5ribu ..." Rata-rata peserta kajian mempunyai masalah tandas di kawasan luar rumah di mana IA tidak menepati piawaian Homestay yang ditetapkan. Sehubungan itu, peluang pendedahan dan pengetahuan berkaitan sektor pelancongan desa sebagai aktiviti yang dapat memberi pendapatan kepada masyarakat cukup memberi motivasi kepada peserta homestay. Dengan adanya pendedahan dapat membantu mereka mengukuhkan lagi kegiatan ekonomi harian sekali Gus mampu mengubah taraf hidup. Jika dahulu mereka menganggap program ini agak rumit dan menyusahkan, kini dengan bantuan kerajaan seperti mengadakan Kursus Asas Pelancongan Desa (Homestay) mengubah persepsi mereka terhadap program ini. Ini menunjukkan bantuan kerajaan ditagih bagi membantu komuniti setempat bukan sahaja dari aspek kewangan tetapi juga ilmu pengetahuan seperti keusahawanan, pengurusan dan pemasaran. Kerajaan diharapkan dapat membantu menaik taraf kemudahan infrastruktur kampung bagi mewujudkan kelesaan kepada penduduk serta pelancong.

5.2.6 Legasi warisan keluarga

Seterusnya, faktor motivasi yang turut dicatatkan semasa proses temu bual dijalankan adalah berkenaan dengan homestay sebagai warisan keluarga yang dipelihara. Ada di antara homestay yang diusahakan oleh ibu bapa mereka sejak dari awal program homestay diperkenalkan. Kenyataan petikan temu bual bersama En. Safwan dari Homestay Sg. Sireh menggambarkan faktor warisan keluarga "... ayah saya buka homestay ini sejak tahun 2000 masa tu saya masih lagi bersekolah, seronok juga la bila pelancong-pelancong asing tu datang. Tapi sekarang ayah dah tua, dia dah tak larat lagi nak terima pelancong, jadi dia minta saya teruskan homestay ini sebab saya pun buat kerja-kerja kampung je. Kalau buat homestay adalah tambah-tambah sikit duit tu. Tapi tak la banyak


mana...Kalau ayah tak suruh, saya pun tak buat sebab homestay ni hasil titik peluh dia sejak dulu, lagi pun saya ni mana ada rumah sendiri...".Kenyataan peserta kajian dari Homestay Bougaville turut menceritakan tentang homestay warisan keluarga mereka "... Dulu sebenarnya homestay ni ayah yang usahakan, tapi sejak ayah dah tak ada (meninggal) homestay ni terbengkalai. Jadi bila berbincang dengan keluarga, mereka semua sepakat minta saya uruskan sebab sayang katanya, lagipun ayah dah banyak berhabis duit untuk renovate rumah buat homestay ni. Insyaallah lps ni saya akan cuba buat yang terbaik untuk majukan homestay ni...".Hal yang sama diakui oleh beberapa peserta kajian dari Homestay Baghuris, Homestay Sg Hj Dorani dan juga Homestay Sepintas di mana mereka menjadi peserta homestay adalah disebabkan oleh warisan dari ibu bapa mereka.

5.2.7 Media sosial

Bagi memperkenalkan program homestay serta menggiatkan Kadar kedatangan pelancong, pelbagai kaedah pemasaran dan promosi telah dijalankan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia dan juga peserta homestay sendiri. Media sosial menjadi medium bagi memperkenalkan program Homestay. Peserta homestay menggunakan Facebook, twitter, website, Instagram sebagai alat promosi kerana ianya mudah, Kos yang murah dan boleh mendapatkan liputan dengan lebih meluas. Selain itu, semasa temu bual dijalankan bersama peserta kajian dari Homestay Kancong Darat, beliau menyatakan bahawa dengan menggunakan media sosial mereka dapat mempertontonkan kampung mereka di serata dunia dengan hanya menggunakan telefon pintar juga boleh terus berkomunikasi dengan pelancong.

Peserta kajian dari Homestay Sg. Lang Tengah, Kuala Langat turut menyatakan perkara yang Sama "...saya rasa promosi dengan menggunakan Facebook lagi mudah, ambil sahaja gambar cantik-cantik lepas tu kita boleh letak sahaja letak Kat Facebook tu. Senang orang nak komen-komen, kita pon boleh balas komen orang lain di situ. Pelancong yang pernah datang pon banyak yang komen-komen di Facebook. Bila mereka cerita yang best-best kita pon jadi bangga dan bersemangat..."

Kenyataan dari peserta kajian homestay Sg. Sireh pula "...saya ni tak pandai facebook-facebook ni, tapi anak-anak saya la yang buat, kalau tengok macam mudah sahaja, bila anak buat nampak macam menarik... boleh letak gambar-gambar...nampak homestay kita ni cantik sangat di facebook... yang paling saya suka bila ada pelancong komen-komen di situ, dia cerita fasal homestay ni...". Oleh itu, tidak dapat disangkal lagi bahawa promosi melalui media sosial juga turut memberi motivasi kepada peserta homestay untuk berkembang maju.



Rajah 2: Motivasi peserta kajian terhadap penglibatan program homestay

6.0 Kesimpulan & cadangan kajian

Program Homestay merupakan nadi kepada sosioekonomi masyarakat di luar bandar. Program yang diusahakan oleh golongan masyarakat luar bandar ini memanfaatkan sumber yang mereka miliki dengan menawarkan aktiviti di kampung yang mampu menarik perhatian pelancong luar untuk datang menikmati pengalaman menginap di tempat mereka. Justeru itu, mereka haruslah bersama-sama menggembelng tenaga serta kepakaran di antara peserta homestay, komuniti serta kerajaan. Kerjasama antara semua pihak dalam menjayakan aktiviti yang dirancang menjamin tahap kepuasan pelancong dan memberi pulangan yang positif untuk jangka masa yang panjang.

Pelbagai faktor boleh dikaitkan dengan motivasi peserta homestay secara langsung atau tidak dan kehendak diri untuk berubah merupakan faktor utama pemangkin kepada kejayaan program homestay di negeri Selangor. Peserta homestay sedar bahawa dengan adanya program pembangunan berdasarkan pelancongan inap desa seperti yang disarankan kerajaan ia dapat meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar serta menggalakkan penglibatan mereka dalam perancangan dan pembangunan pelancongan setempat. Ianya juga merupakan salah satu strategi kerajaan untuk mempelbagaikan punca pendapatan kepada penduduk tempatan. Maka, sudah sampai masanya kerajaan negeri Selangor mewujudkan satu pelan pembangunan homestay bagi menjamin kelestarian program homestay pada masa hadapan. Adalah menjadi keperluan bagi mewujudkan unit pelancongan pada peringkat pentadbiran kerajaan tempatan bagi memfokuskan pembangunan produk pelancongan setiap daerah di negeri Selangor. Dengan ini penduduk dan kerajaan dapat sama-sama berpadu tenaga bagi merealisasikan impian tersebut.

Oleh yang demikian, bagi mengekalkan momentum dalam memberi perkhidmatan yang cemerlang dan berterusan dimasa yang akan datang, motivasi kepada pengusaha homestay adalah amat penting. Namun, cabaran dan halangan pengusaha homestay juga seharusnya perlu dikenal pasti. Limitasi kajian ini hanya memberi fokus kepada motivasi penglibatan wakil sahaja tanpa

melibatkan peserta homestay sahaja maka tanpa melibatkan keseluruhan peserta program kerana pendekatan kajian kualitatif. Justeru kajian ini mencadangkan supaya kajian menggunakan kaedah kuantitatif akan datang dapat memberi penekanan penilaian terhadap isu dayatahan dan kelestarian program homestay. Memandangkan kajian ini dijalankan di Selangor, maka kajian ini juga mencadangkan supaya kajian akan datang dapat dijalankan secara menyeluruh di Malaysia.

Rujukan

- Hamzah, A. (2004). Rural homestay to enhance tourist experience. *In World Tourism Conference 2004*. Retrieved from www.worldtourismconsultancy.com
- Hamzah, A. (2008). Malaysian homestays from the perspective of young Japanese tourists: the quest for furusato. *Asian Tourism: Growth and Change*. United Kingdom: Elsevier
- Hamzah, A., & Khalifah, Z. (2009). *Handbook on community based tourism how to develop and sustain CBT*. Singapore: Singapore Asia-Pacific Economic Cooperation Secretariate.
- Hitchner, S. L., Apu, F. L., Tarawe, L., Aran, S. N., & Yesaya, E. (2009). community-based transboundary ecotourism in the heart of borneo: a case study of the Kelabit Highlands of Malaysia and the Kerayan Highlands of Indonesia. *Journal of Ecotourism*, 8(2), 193–213.
- Hunt, C., & Stronza, A. (2014). Stage-based tourism models and resident attitudes towards tourism in an emerging destination in the developing world. *Journal of Sustainable Tourism*, 22(2), 279–298.
- Hussin, R., & Kunjuraman, V. (2014). Sustainable Community-Based Tourism (CBT) Through Homestay Programme in Sabah, East Malaysia. *In the Social Sciences Research ICSSR 2014* (pp. 41– 61). Sabah, Malaysia
- Hussin, R., & Kunjuraman, V. (2014). Pelancongan mapan berasaskan komuniti (CBT) melalui program homestay di Sabah, Malaysia. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 10(3), 160-174.
- Ibrahim, J. A., & Ahmad, M. Z. (2009). Program homestay pemangkin pertumbuhan ekonomi luar bandar, kajian kes: Negeri-negeri utara semenanjung Malaysia. *Prosiding Perkem IV*, 2, 227-242.
- Jipun J. (2019). Analisis corak pembelian cenderamata di kalangan pelancong antarabangsa di Sabah. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 4 (15)19 -31.

- JPBD Selangor. (2018). *Laporan Tinjauan Kajian Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035*. Selangor: JPBD.
- Kamisan Pusiran, A., & Xiao, H. (2013). Challenges and community development: A case study of Homestay in Malaysia. *Asian Social Science*, 9(5), 1–17.
- Kayat, K., & Nor, N. A. M. (2006). Penglibatan ahli komuniti dalam program pembangunan komuniti: satu kajian ke atas program homestay di Kedah. *Akademika*, 67, 77–102.
- Kim, S., Park, E., & Phandanouvong, T. (2014). Barriers to Local Residents' Participation in Community-Based Tourism: Lessons from Houay Kaeng Village in Laos. *SHS Web of Conferences* (pp.1045–1053). Sabah: Malaysia.
- Kunjuraman, V., & Hussin, R. (2017). Challenges of community-based homestay programme in Sabah, Malaysia: Hopeful or hopeless?. *Tourism Management Perspectives*, 21, 1-9.
- Luangsa-art, N. (2017). A study on the folkway and cultural potential of homestay at Taling Chan district, Bangkok. *International Journal of Management and Applied Science*, 3(4), 7–9.
- Marshall, C., & Rossman, G. B. (2014). *Designing qualitative research*. Sage Publication. United Kingdom.
- Mbaiwa, J. E. (2005). Enclave tourism and its socio-economic impacts in the Okavango Delta, Botswana. *Tourism management*, 26(2), 157-172.
- Mnguni, E. M., & Giampiccoli, A. (2017). Community-based tourism development: A hiking trails perspective. *African Journal of Hospitality, Tourism and Leisure*, 6(1), 1–17.
- Mohamed, R., & Aminudin, N. (2016). Understanding homestay sustainability through successor motivational factors. In *Regional Conference on Science, Technology and Social Sciences (RCSTSS 2014)* (pp. 1075-1083). Springer, Singapore.
- MOTAC. (1995). Program pengalaman homestay. Retrieved from <http://www.motac.gov.my/program/pelancongan/homestaykampungstay>
- Nor, N. A. M., & Kayat, K. (2010). The Challenges of Community-Based Homestay Programme in Malaysia. Nor. In *Regional Conference on Tourism Research 2010*, (pp.66–73). Penang, Malaysia.
- Oppermann, M. (1997). First-time and repeat visitors to New Zealand. *Tourism Management*, 18(3), 177–181.

- Palal, N. H., & Hamzah, A. (2017). Andragogi: pendekatan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di kalangan operator inap desa malaysia Nor. *Sains Humanika* 9,25-31
- Peshkin, A. (1993). The goodness of qualitative research. *Educational Researcher*, 22(2), 23-29.
- Rabu, M. M., Tawil, N. ., Ahmad, H., & Rabu, A. R. M. (2016). Membangunkan program Eco-Agro-Edu Homestay : kajian kes di Kg Rawa, Negeri Sembilan. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(2), 49-63.
- Rahman, H. A. (2018) Potensi dan cabaran dalam memajukan pelancongan islam di Malaysia Potential and Challenges in Islamic Tourism in Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 506-518.
- Ramli, M. M. A., Nasir, M. A., Zaid, D. S., & Adenan, H. (2016). Kepuasan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan homestay di Melaka: kajian kes di Homestay Seri Tanjung. *Journal of Hospitality and Network*, 1(1), 81-90.
- Ratnayake, I., & Kasim, A. (2011). Managing towards sustainability: understanding Sri Lankan communities readiness to participate in nature based tourism. *Journal of Global Management*, 1, 19-33.
- Roddin, R., Yusof, Y., Mukhtar, M. I., Mohamad, M. M., Razzaq, A. R. A., Jalil, S. A., & Hariri, T. I. A. A. (2019). Keupayaan komuniti orang asli suku kaum seletar di Johor Bahru melalui keusahawanan berasaskan pelancongan. *International Journal of Social Science Research*, 1(2), 9-22.
- Ridzuan, N. A., Ibrahim, M., Razali, N. A. M., Samengon, H., & Rusli, S. A. (2018). Impact of Rural Tourism Products Development On Tourist Spending in Poverty Alleviation: A Case Study of Tadam Hill. In *Tourism, Technology and Business Management ICTTBM 2018* (pp.139-142). Terengganu, Malaysia.
- Salleh, N. H. M., Idris, S. H. M., Othman, R., & Suliza, S. (2013). Homestay as malaysia rural tourism product : community participation, the impact and potential development. *Advances in Natural and Applies Sciences*, 7(5),532-541.
- Shuib, M., Kamil, S. R. A., Abdullah, S., & Mapjabil, J. (2010). A Study of Homestay Operators and International Guests English Language Oral Interaction. In *Regional Conference on Tourism Research 2010*, 381. Penang, Malaysia.
- Thaochalee, P., Laoakkha, S., & Panthachai, T. (2011). Home-stay tourist villages: the development of cultural tourism management among Phuthai tribal groups in Isan. *European Journal of Social Sciences*, 22(4), 565-571.

- The ASEAN Secretariat. (2016). Asean homestay standard. Jakarta: The ASEAN Secretariat Public Outreach and Civil Society Division 70A.
- Tuffin, B. (2005). Community-based tourism in the Lao PDR: An overview. *A paper under the project of improving livelihood in the uplands of Lao PDR supported by NAFRI, NAFES and NUOL.*
- Vogel M.P. & Abdul Hamid M.H. 2005. Developing community based tourism at the kinabatangan basin: a review of the mascot project. In Seminar on Pro Poor Tourism: Mechanism & Mainstreaming .Johor, Malaysia.
- W.Creswell, J. (2007). Qualitative inquiry and research design: choosing among five approaches. United Kingdom; SAGE Publication.